

KHUTBAH JUMAAT

“SHEIKH OTHMAN SARAWAK, PERMATA ILMU SARAWAK”
(22 Ogos 2025M/ 28 Safar 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّدِيدِ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bertakwa kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan sebenar-benar takwa, melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita termasuk dalam golongan orang yang memperoleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Daripada Abu Dzar *radiallahu anhu*, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((اتَّقِ اللَّهَ حَيْثُمَا كُنْتَ ...))

Maksudnya: Bertakwalah kepada Allah di mana sahaja engkau berada.

(Hadis riwayat Imam Ahmad)

Berikanlah perhatian sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan. Hindarilah segala perbuatan yang boleh menghapuskan pahala Jumaat seperti menggunakan telefon bimbit,

berbual-bual dan sebagainya. Marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah bertajuk “**Sheikh Othman Sarawak, Permata Ilmu Sarawak**”.

Kaum muslimin yang dikasihi,

Sesungguhnya, Sarawak yang kita cintai amat bertuah kerana pernah dikurniakan oleh Allah *subhanahu wata'ala* para ulama besar yang bukan sahaja membawa cahaya ilmu ke bumi Darul Hana ini, bahkan turut menyinari rantau Nusantara dan Tanah Suci.

Merekalah insan yang mewarisi tugas para nabi *'alaihimussalam* untuk menyebarkan hidayah, menegakkan syariat, serta memelihara akidah umat berlandaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Sabda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*:

((... وَإِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ، وَإِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُورَثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا، وَرَثُوا الْعِلْمَ، فَمَنْ أَخَذَهُ أَخَذَ بِحِظٍّ وَافِرٍ))

Maksudnya: ... Sesungguhnya ulama adalah pewaris para nabi. Sesungguhnya para nabi tidak mewariskan dinar atau dirham. Akan tetapi mereka mewariskan ilmu, maka sesiapa yang mengambil warisan tersebut, maka dia telah mengambil bahagian yang banyak.

(Hadis riwayat Imam Abu Daud)

Antara tokoh ulama besar yang wajar kita kenang dan teladani ialah **Sheikh Haji Othman Abdul Wahab**, lebih dikenali sebagai *Sheikh Othman Sarawak*. Beliau dilahirkan di Kampung Sinjan, Kuching pada 15 Julai 1864 dan kembali ke rahmatullah pada 29 Julai 1921 di Makkah al-Mukarramah. Keilmuannya yang luas, akhlaknya yang

mulia, serta keteguhannya dalam perjuangan menjadikan beliau antara ulama besar yang disegani di Masjidil Haram pada awal abad ke-20.

Sheikh Othman Sarawak adalah lambang kegigihan seorang ulama yang mewakili masyarakat kita di persada dunia. Semoga kita dapat mencontohi keilmuan, ketakwaan dan perjuangan beliau dalam menegakkan agama Allah *subhanahu wata'ala*.

Jemaah yang dirahmati Allah,

Sheikh Othman mendapat pendidikan awal di Sarawak di bawah bimbingan Datuk Hakim Abdul Rahman atau Datuk Hakim Keramat. Kemudian beliau dibawa ke Makkah bersama dua saudara susuannya, Sheikh Azhari dan Sheikh Asha'ari. Kedua-dua saudaranya kembali ke Sarawak untuk berdakwah, namun Sheikh Othman memilih untuk terus menetap di Makkah bagi mengajar dan meneruskan usaha menuntut ilmu.

Sepanjang hayatnya, Sheikh Othman pernah pulang ke Sarawak sebanyak tiga kali iaitu pada tahun 1892, 1916, dan 1920 untuk menyampaikan dakwah dan mengajarkan ilmu agama. Antara jasanya yang masih kekal hingga kini ialah mencadangkan penubuhan **Madrasah Islamiyah**, yang sehingga hari ini terus beroperasi sebagai pusat pengajian Islam, melahirkan generasi berilmu di bumi Sarawak.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sheikh Othman Sarawak berguru dengan ramai ulama besar di

Makkah dan Madinah, antaranya Sayyid Abu Bakar Shatta', Qutb Rabbani Sayyid Hussayn al-Habshi, Sheikh Muhammad Said Babsayl dan Sheikh Abdul Karim al-Bantani. Ilmu yang diperolehnya bukan sahaja dikuasai, bahkan diamalkan dan disebar. Beliau memiliki sifat-sifat mulia yang wajar kita teladani, antaranya:

Pertama: Penyayang dan penyantun.

Beliau tidak pernah menghina, mencaci, atau mencela sesiapa. Bahkan beliau memuliakan orang miskin, anak yatim, dan para penuntut ilmu. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((*Bukanlah daripada kalangan kami orang yang tidak menyayangi anak kecil dan tidak menghormati orang tua.*))

(*Hadis riwayat Imam at-Tirmizi*)

Kedua: Menuntut ilmu dengan adab dan kesungguhan.

Sheikh Othman sangat menjaga adab terhadap guru. Kata Imam al-Syafie *rahimahullah*:

“Kamu tidak akan memperoleh ilmu melainkan dengan enam perkara: kecerdasan, keinginan yang mendalam, usaha bersungguh-sungguh, bekalan secukupnya, bimbingan guru dan tempoh masa yang panjang.”

Ketiga: Pemurah dan suka bersedekah.

Beliau sentiasa membantu fakir miskin serta memberi sokongan kepada para penuntut ilmu. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda yang maksudnya:

((Tangan yang memberi lebih baik daripada tangan yang menerima.))

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Jemaah yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya, Islam meletakkan ilmu pengetahuan pada kedudukan yang amat tinggi dan mulia. Inilah kemuliaan yang menjadikan umat Islam unggul sepanjang sejarah. Ilmu bukan sahaja membimbing diri, bahkan memberi kesan besar kepada keluarga, masyarakat, dan negara.

Ilmu fardu 'ain wajib kita kuasai adalah aqidah, ibadah, akhlak, dan tasawwuf. Begitu juga ilmu fardu kifayah seperti pengurusan jenazah, ilmu muamalat, kehakiman, kepimpinan, sains, teknologi, ekonomi, dan pentadbiran. Semua ini adalah tonggak untuk membina umat yang maju. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Mujadalah, ayat 11:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

Maksudnya: *Allah meninggikan darjat orang yang beriman di antara kamu dan orang yang diberi ilmu dengan beberapa darjat.*

Imam al-Qurtubi *rahimahullah* menafsirkan ayat ini:

“Allah mengangkat kedudukan orang beriman di atas orang yang tidak beriman, dan orang yang berilmu di atas orang yang tidak berilmu, baik di dunia mahupun di akhirat.”

Dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu*, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda yang maksudnya:
((Sesiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu, Allah akan permudahkan baginya jalan menuju Syurga. Tidaklah satu kaum berkumpul di rumah Allah (masjid), membaca kitab Allah dan mempelajarinya, melainkan turun kepada mereka ketenangan, diliputi rahmat, dilingkungi para malaikat, dan Allah menyebut mereka di sisi para malaikat-Nya.))

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Sidang jemaah yang dikasihi,

Maka jelas, ilmu menjadikan umat Islam mulia dan disanjung. Semoga kita tergolong dalam kalangan orang yang menuntut, mengamalkan, serta menyebarkan ilmu. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((وَإِنَّ فَضْلَ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضْلِ الْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ عَلَى سَائِرِ الْكَوَاكِبِ))

Maksudnya: Keutamaan orang berilmu berbanding ahli ibadah (yang tidak berilmu) adalah seperti keutamaan bulan purnama mengatasi segala bintang.

(Hadis riwayat Imam Abu Daud)

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Bersempena **Persidangan Kursi Sheikh Othman Sarawak 2025** yang akan diadakan di Dewan Kompleks Islam Sarawak pada 27-28

Ogos 2025, marilah kita sama-sama menghadirinya sebagai tanda cinta kita kepada ulama. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* mengurniakan kepada hidayah dan rahmat kepada kita semua.

Mengakhiri khutbah yang penuh barakah ini, marilah kita ambil tiga peringatan penting:

Pertama: Ulama adalah pewaris para nabi. Menghormati dan meneladani mereka tanda cinta kepada agama.

Kedua: Kejayaan umat bergantung pada iman, ilmu, dan akhlak. Tiga tiang ini mesti kita tegakkan dalam masyarakat.

Ketiga: Tuntutlah ilmu sepanjang hayat. Selagi bernafas, selagi itu kita berusaha mencari ilmu Allah.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah at-Taubah, ayat 122:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
﴿وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا كَآفَّةً ۚ فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ﴾ (١٢٢)

Maksudnya: Dan tidaklah sepatutnya bagi orang yang beriman keluar semuanya (ke medan perang). Oleh itu, hendaklah sebahagian sahaja daripada mereka keluar (berperang) supaya mereka yang tinggal itu memperdalam ilmu pengetahuan tentang agama dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila mereka itu pulang. Mudah-mudahan, mereka itu dapat menjaga diri mereka (daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang Allah).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis ilmu. Peliharalah solat lima waktu, begitu juga pastikan ahli keluarga kita menunaikannya. Perkukuhkanlah perpaduan dengan saling menghormati dan mengasihi dalam kalangan masyarakat demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian di Sarawak. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik. Daripada Abdullah bin Mas'ud *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((لَا تَزُولُ قَدَمُ ابْنِ آدَمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ عِنْدِ رَبِّهِ حَتَّى يُسْأَلَ عَنْ خَمْسٍ: عَنْ عُمْرِهِ فِيْمَ أَفْنَاهُ، وَعَنْ شَبَابِهِ فِيْمَ أَبْلَاهُ، وَمَالِهِ مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ وَفِيْمَ أَنْفَقَهُ، وَمَاذَا عَمِلَ فِيْمَا عَلِمَ))

Maksudnya: *Kaki anak Adam akan tetap tegak berdiri di sisi Tuhannya pada hari Kiamat, hingga dia ditanya tentang lima perkara (iaitu): tentang umurnya untuk apa dia habiskan, tentang masa mudanya untuk apa dia gunakan, tentang hartanya dari mana dia*

dapatkan, dan dalam hal apa (hartanya tersebut) dia belanjakan, dan apa sahaja yang telah dia lakukan dari ilmu yang dimilikinya.

(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)

Selain itu, kita hendaklah bersungguh-sungguh menghindarkan diri dan ahli keluarga daripada terjebak dengan penyalahgunaan dadah dan perjudian, agar kehidupan kita selamat, bahagia dan sejahtera.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمُهَدِّيْنَ، سَادَاتِنَا اَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِيْنَ لَهُمْ بِاِحْسَانٍ اِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ. اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِّلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ. اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan, keamanan, keselesaan dan kemenangan dalam menghadapi musuh yang sentiasa mengganggu mereka. Angkatkanlah dan hilangkanlah daripada mereka bala bencana, kesedihan, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Wahai Tuhan Yang Maha Pemberi Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan sifat terkeji yang menyeleweng daripada undang-undang negara. Jauhilah kami dan keturunan kami daripada penyalahgunaan dadah. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti, berintegriti serta terbilang demi mencapai negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! pertahankan perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam seluruh nilai kehidupan kami. Limpahkanlah pada kami nikmat

keselamatan, keafiatan, kelapangan dan ketenangan hidup serta hindarilah kami daripada segala musibah, wabak penyakit dan segala perkara yang tidak diingini.

رَبَّنَا أُنِثْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.